



ISU ORANG KETIGA DALAM PERKAHWINAN:

Bolehkah pelaku didakwa?

Oleh: Amylia Fuziana Azmi

Perkahwinan merupakan satu mahligai impian setiap pasangan yang bercinta bagi mengabadikan episod cinta yang dibina. Namun, setiap insan seharusnya perlu menjadi rasional di dalam menilai sesuatu yang fantasi dan realiti kerana terdapat perbezaan yang ketara di dalam perhubungan yang melibatkan pasangan sebelum mereka menjalani kehidupan berumah tangga dan realiti kehidupan setelah bergelar suami dan isteri.

Realitinya, tidak semua kisah percintaan pasangan yang mendirikan rumah tangga ini berakhir dengan kebahagiaan. Ada dalam kalangan mereka yang terpaksa akur dengan ketentuan bahawa mahligai yang dibina tidak mampu dipertahankan lagi. Mengupas mengenai isu pergolakan dalam rumah tangga

“Kewujudan Akta berkaitan isu orang ketiga ini seolah-olah tidak diendahkan oleh sesetengah pihak. Sebaliknya, masyarakat lebih cenderung untuk mencari penyelesaian dengan permohonan penceraian di mahkamah. Perkara sebegini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia memberi ruang dan peluang kepada pelaku untuk terus bebas melakukan kesalahan”.

ini, kes penceraian di Malaysia dilaporkan semakin meningkat saban tahun. Selain faktor kewangan, penderaan mental dan fizikal, gangguan pihak ketiga adalah merupakan antara faktor yang menyumbang kepada statistik penceraian di negara ini. Menurut kajian yang dilakukan, penyelidik telah mengklasifikasikan kehadiran orang ketiga di dalam sesebuah rumah tangga sebagai penyumbang kepada masalah penceraian di negara ini.

Hal ini bertepatan dengan fenomena yang acapkali dilihat pada masa kini, di mana pasangan yang berkahwin berhadapan dengan pelbagai isu keretakan rumah tangga yang berpunca daripada kehadiran dan campur tangan daripada pihak ketiga. Justeru, masalah penceraian dan perpecahan di dalam institusi kekeluargaan ini dilihat sebagai satu fenomena yang semakin meruncing dan memerlukan pemerhatian yang sewajarnya dalam kalangan rakyat Malaysia pada masa kini.

Dari sudut pendefinisian istilah “orang ketiga”, terma ini tidak ditafsirkan secara khusus di mana-mana akta atau enakmen undang-undang negeri. Terdapat kajian mengklasifikasikan bahawa orang ketiga ini bukan sahaja dikhususkan kepada individu yang tertentu, namun ia turut melibatkan semua individu yang dikenali mahupun tidak dikenali.

Justeru, pentakrifan orang ketiga ini tidak hanya tercakup kepada pasangan kekasih lelaki dan wanita sahaja, malah ahli keluarga, adik-beradik, ipar-duai, sahabat-handai serta masya-



Sumber Gambar : True Beauty ▲

rakat sekeliling juga tergolong dalam kategori orang ketiga.

Menurut takrifan yang termaktub di dalam **Kamus Dewan Edisi Keempat**, orang tengah melibatkan (a) orang yang menjadi pendamai bagi pihak-pihak yang berbalah; (b) orang yang menjadi pengantara antara pengeluar barang-barang dengan pengguna; (c) orang yang menjadi pengantara antara pihak-pihak dalam rundingan kahwin dan lain lain. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa penggunaan istilah orang ketiga ini merujuk kepada mana-mana individu yang mengakibatkan perpecahan dan perbalahan di dalam keharmonian rumah tangga seseorang dan ianya tidak terhad kepada kekasih gelap sahaja.

Dari aspek perundangan, terdapat peruntukan Undang-Undang Syariah bagi menangani isu gangguan orang ketiga di dalam perkahwinan ini. Bagi pasangan yang beragama Islam, undang-undang yang diguna pakai untuk menangani masalah ini adalah Undang-Undang Syariah. Isu kesalahan jenayah ini secara umumnya adalah tertakluk kepada Undang-Undang Jenayah Negeri. Walau bagaimanapun terdapat juga undang-undang jenayah yang digubal di peringkat Persekutuan yang perlu dipatuhi oleh seluruh umat Islam iaitu **Kanun Keseksaan**.

Menurut **Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997** dan **Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri** (bagi kesemua negeri selain daripada Wilayah-Wilayah Persekutuan), perbuatan mengganggu keharmonian rumah tangga orang lain sehingga menyebabkan penceraian adalah dikira sebagai satu kesalahan jenayah syariah dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah. Bagi kesalahan ini, sekiranya mereka didapati bersalah, mereka boleh disabitkan dengan hukuman penjara, denda, sebat ataupun mana-mana kombinasi hukuman tersebut.

Namun begitu, masyarakat perlu memahami konsep bahawa hal ehwal agama adalah tertakluk kepada perkara di bawah pentadbiran negeri masing-masing. Justeru, kesalahan jenayah syariah yang sama kadangkala mempunyai hukuman yang berbeza mengikut ketetapan undang-undang negeri masing-masing.

Sebagai contoh, merujuk kepada **Akta Kesala-**

han Jenayah Syariah (Wilayah –Wilayah Persekutuan) 1997 misalnya, orang ketiga boleh didakwa di bawah **Seksyen 36, Seksyen 37 dan Seksyen 38** Akta tersebut yang membawa maksimum hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Terdapat beberapa peruntukan khusus di dalam enakmen tersebut mengenai kesalahan ini. Peruntukan-peruntukan di bawah adalah contoh daripada peruntukan yang termaktub di dalam **Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997** di mana ianya menyebut;

Seksyen 36. Memujuk Lari Perempuan Ber-suami.

Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya keluar dari atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya meninggalkan kediaman suami isteri yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh memerintahkan perempuan tersebut supaya kembali kepada suaminya.

Seksyen 37. Menghalang Pasangan Yang Sudah Bernikah Daripada Hidup Sebagai Suami Isteri.

Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri yang sudah bernikah dengan sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.

Seksyen 38. Menghasut Suami Atau Isteri Supaya Bercerai Atau Mengabaikan Kewajipan.

Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana orang lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya seba-

gai suami atau isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan-peruntukan di atas dapat memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai jenis-jenis kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan jenayah orang ketiga beserta denda-denda yang bakal diterima oleh pelaku jika disabitkan kesalahan.

Bagi mereka yang bukan beragama Islam pula, di bawah undang-undang keluarga sivil, **Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976** menetapkan bahawa orang ketiga yang menyebabkan penceraian antara pasangan bukan Islam terutama yang melibatkan kes-kes penzinaan juga boleh didakwa dan dikenakan hukuman seperti membayar ganti rugi. Ini membuktikan bahawa undang-undang sivil turut mengiktiraf tentang kesalahan jenayah orang ketiga di dalam isu rumah tangga ini.

Namun begitu, masih ramai masyarakat Malaysia di luar sana yang tidak cakna akan kewujudan peruntukan ini. Kewujudan Akta berkaitan isu orang ketiga ini seolah-olah tidak diendahkan oleh sesetengah pihak. Sebaliknya, masyarakat lebih cenderung untuk mencari penyelesaian dengan memohon penceraian di mahkamah. Perkara sebegini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia memberi ruang dan peluang kepada pelaku untuk terus bebas melakukan kesalahan dan mengakibatkan ketidakharmonian dan perpecahan institusi kekeluargaan.

Pakar undang-undang syariah turut berpendapat bahawa kewujudan Enakmen berkaitan perihal mengganggu gugat keharmonian rumah tangga ini perlu diberi pendedahan yang sewajarnya kepada masyarakat agar ianya dapat memberi manfaat serta menjadi peringatan kepada masyarakat untuk tidak mencampuri hal ehwal seseorang yang telah sah bergelar isteri atau suami orang lain.

Kesimpulannya, masyarakat perlu lebih peka dengan kewujudan peruntukan jenayah syariah ini agar pengadilan yang sewajarnya dapat diberikan kepada individu sama ada lelaki atau perempuan yang menggugat kebahagiaan per-

AMYLIA FUZIANA AZMI



 amyli2597@uitm.edu.my

PROFIL

Amylia merupakan seorang pensyarah yang berkhidmat di Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Beliau merupakan anak kelahiran negeri Kedah Darul Aman.

Beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat ijazah bagi program Double Degree di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia iaitu Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana di UiTM Shah Alam dalam bidang Undang-Undang Perdagangan.

Beliau kini sedang menyambung pengajian di peringkat PhD di dalam bidang Undang-Undang Syariah, pengkhususan dalam bidang hibah.

Minat yang mendalam terhadap Bahasa Arab dan Pengajian Syariah sejak di bangku sekolah telah mendorong beliau untuk terus mendalami serta menghasilkan karya-karya penerbitan dalam bidang undang-undang yang berteraskan prinsip Syariah Islamiah.

Selain itu, penulis turut mempunyai kepakaran dalam bidang Undang-Undang Keluarga dan Undang-Undang Perdagangan.

